

UMS, firma Jepun atasi pencemaran laut Sabah

BH 06.04.2012 1A2

KOTA KINABALU: Masalah pencemaran laut akibat tumpahan minyak yang dibimbangi mencemari perairan Sabah dijangka diatasi melalui kerjasama Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan sebuah syarikat Jepun, Tokyo Econet Limited Company.

Kedua-dua pihak bersetuju menjalankan kerjasama membangunkan teknologi berasaskan serat teknologi nano yang bakal digunakan untuk mengatasi isu berkenaan.

Tokyo Econet berpengalaman luas menghasilkan produk mengatasi pencemaran laut di Jepun dan sedang menjalankan kajian mengurangkan sisa radioaktif akibat tsunami, Mac tahun lalu.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Kamaruzaman Ampon, berkata kerjasama antara UMS menerusi Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat dengan Tokyo Econet turut memberi pilihan kepada inisiatif menghasilkan minuman berikutan sumber air di negeri ini agak terhad.

“Serat teknologi nano bakal memainkan peranan penting dalam usaha membersihkan perairan Sabah yang luas dan kaya gas asli jika tumpahan

Serat nano bersih tumpahan minyak

BH 06.04.2012 122

► DARI MUKA 1

minyak berlaku atau bahan kimia dilepaskan.

“Menerusi kerjasama ini, pensyarah, jurutera dan graduan UMS akan bekerjasama dengan Tokyo Econet untuk membangunkan teknologi penyahgaraman air laut dan buangan menggunakan serat nano membran manakala serat nano berfungsi untuk membersihkan tumpahan minyak,” katanya.

Beliau berucap demikian pada majlis memeterai memorandum persefahaman (MoU) kerjasama berkenaan, di sini semalam. UMS diwakili Kamaruzaman manakala Tokyo Econet oleh Pengurus Besarinya, Kondo Horoaki. Hadir sama Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said dan Dekan Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat, Prof Dr Rosalam Sarbatly.

Sementara itu, Kondo berkata, pihaknya gembira dapat bekerjasama dengan UMS bagi membangunkan teknologi terbabit, selaras hasrat syarikat itu untuk mengembangkan serat teknologi nano yang sudah dibangun dan digunakan di Jepun.